

19/08/1997

Jurutera kelilingi dunia dengan kapal layar

KUALA LUMPUR, Isnin - Seorang jurutera pelayaran tempatan, Azhar Mansor, 39, akan melakukan pengembaraan solo menggunakan kapal layar mengelilingi dunia, Februari depan.

Projek pelayaran tanpa berhenti itu membabitkan kos RM1.5 juta, termasuk penggunaan bot khas sepanjang 15 meter buatan Australia bernilai RM1.2 juta dan dijangka mengambil masa kira-kira tiga bulan.

Projek itu diselaraskan oleh Pergerakan Pemuda Umno, diketuai Naib Ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Bercakap kepada pemberita di ibu pejabat pergerakan itu di sini hari ini, beliau berkata pelayaran itu bertujuan memecahkan rekod dunia yang dicipta oleh pelayar Perancis yang mengelilingi dunia selepas berlayar 105 hari.

Bermula daripada Langkawi pada 15 Februari, Azhar yang mendapat restu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan belayar menuju arah laut selatan membabitkan laluan baru yang diiktiraf oleh World Sailing Speed Record Council di United Kingdom.

"Objektif pelayaran saya ialah untuk memecahkan rekod dunia 105 hari yang dicatatkan oleh pelayar Perancis. Pada masa yang sama, saya akan mencipta rekod bagi laluan baru berkenaan."

"Saya yakin boleh menamatkan pelayaran itu dalam tempoh 100 hari. Persiapan yang utama adalah bot dan saya sendiri sudah siap sedia untuk memulakannya," katanya yang akan berlayar pada jarak lebih 21,600 batu nautika.

Bot yang akan digunakan oleh Azhar kini dibina oleh seorang pakar di Australia dan dijangka siap Oktober depan dan dipamerkan dalam Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) akhir tahun ini.

Azhar yang berasal Perlis adalah lulusan dari bidang pengajian nautikal Politeknik Singapura pada 1977 dan selepas itu terbabit secara profesional dalam bidang maritim.

(END)